

# UPM anjur SOGOC II

**Kuala Lumpur:** Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Insititut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan menganjurkan Seminar Government and Civilization II (SOGOC II) dengan tema *Managing Politics and Religious Differences*.

Penasihat SOGOC II yang juga Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan UPM, Prof Madya Dr Ahmad Tarmizi Talib, berkata seminar itu mengupas pendekatan terbaik dalam menguruskan isu sensitif berikutkan per-

beaan agama, etnik, budaya serta politik yang boleh mengugat ketenteraman dan keharmonian negara.

Katanya, menerusi seminar itu juga, persefahaman diharap dapat dibentuk bagi mengurangkan babit prasangka dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

“Antara sub tema yang bakal dikupas ialah toleransi agama, spiritualiti dan ketamadunan, dialog antara agama/peradaban, politik dan konflik, agama dan perlembagaan, dasar, tadbir urus dan pengurusan kepelbagaian, politik dan integriti, nilai dan hubungan antara etnik.

## Pertembungan tamadun

“Selain itu, politik, etnik dan identiti, polemik dalam hubungan etnik, sejarah serta tamadun, hak asasi manusia dan kepelbagaian, globalisasi serta peminggiran minoriti, pertembungan tamadun dan konflik agama serta pendidikan dan demokrasi,” katanya.

Tarikh akhir penghantaran abstrak ialah pada 15 Mei, diikuti makluman penerimaan abstrak pada 25 Mei ini manakala penghantaran kertas kerja penuh pada 30 Jun depan.

Pembentang tempatan dikenakan yuran RM350 (sebelum 10 Jun hanya RM300), peserta RM250 (sebelum 10 Jun hanya RM200),

pelajar RM100 dan panel institusi (empat orang) sebanyak RM1,200.

Yuran RM545 (AS\$150) dan RM363 (AS\$100), masing-masing dikenakan kepada pembentang dan peserta dari negara ASEAN, manakala pembentang negara lain RM727 (AS\$200) dan peserta RM545 (AS\$150).

Mereka yang berminat boleh menghubungi Pengarah SOGOC II, Dr Arfah Ab Majid di talian 012-2193008 dan Exco Publisiti dan Perhubungan Awam, Dr Ahmad Nasir Mohd Yusuf di talian 019-9966057 atau e-mel [sogoc2015@gmail.com](mailto:sogoc2015@gmail.com) serta faks 03-89467153.